

Bab 5: Syarikat Berhad

1. Entiti berasingan - Syarikat Berhad(SB) merupakan satu badan atau entiti yang terasing daripada pemiliknya (pemegang syer). Oleh itu, SB boleh memiliki aset, membuat pinjaman, mendakwa atau didakwa.
2. Tujuan: Mendapat keuntungan untuk pemegang syernya. Dividen ialah keuntungan yang dibahagi kepada pemegang syernya.
3. Liabiliti terhad - Makna 'berhad' ialah liabiliti pemegang syer terhad kepada modal yang dilabur iaitu wang yang digunakan untuk membeli syernya.
4. Hayat berterusan - Aktiviti perniagaan tidak terjejas apabila pemegang syer meninggal dunia atau syer dipindah milik.
5. Dasa syarikat - Ditentukan oleh ahli lembaga pengarah yang dipilih
6. Terdapat 2 jenis syarikat berhad:
 - a. syarikat sendirian berhad
 - b. syarikat awam berhad

Pembentukan Syarikat Berhad

1. SB didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
2. SB dikawal bawah Akta Syarikat 1965.
3. 2 dokumen penting mesti disediakan untuk pembentukan:
 - a. Tatawujud/ Memorandum Syarikat ([basic details about the company](#))
 - b. Tataurus Syarikat/ Articles of Association ([rules and regulations designed by the company](#))
4. Butir-butir yang didapat dalam tatawujud:
 - a. nama syarikat
 - b. alamat syarikat
 - c. tujuan syarikat ditubuhkan
 - d. jenis perniagaan
 - e. pernyataan bahawa liabiliti pemegang syer adalah terhad
 - f. jumlah modal berdaftar, bilangan syer, jenis syer
5. Butir-butir yang didapat dalam tataurus syarikat: [also known as 'perlembagaan syarikat']
 - a. hak, tugas dan kuasa lembaga pengarah
 - b. prosedur perlantikan ahli lembaga pengarah
 - c. hal mesyuarat agong
 - d. cara mengundi
 - e. cara mengaudit akaun
 - f. laporan kewangan kepada pemegang syer
 - g. cara pembayaran dividen
 - h. bayaran pengarah

Perbezaan antara Syarikat Sdn. Bhd. dengan Syarikat Awam Bhd.

Perbezaan	Sendirian Berhad	Awam Berhad
1. Bilangan ahli	2 - 50 orang	2 - tidak terhad
2. Terbitan Syer	Tidak boleh terbit kepada orang ramai	Boleh
3. Pindah milik Syer	Tidak boleh dipindah milik bebas tanpa persetujuan pemegang syer	Boleh
4. Bursa syer	Syer tidak boleh disenaraikan di bursa syer	Boleh
5. Nama Syarikat	Mesti letak perkataan 'sendirian berhad/' 'Sdn. Bhd.' di hujung	Mesti letak perkataan 'Berhad/' 'Bhd' di hujung
6. Laporan kewangan	Tidak perlu diumumkan kepada orang ramai	Mesti diumumkan dalam akhbar bagi pengetahuan orang ramai
7. Ahli Lembaga	Pemegang syer	Tidak semestinya

Jenis-jenis modal

1. Modal dibenarkan/ Modal Nominal/ Modal berdaftar

- ~ jumlah modal maksimum yang boleh diterbitkan dan dijual kepada orang awam.
- ~ dinyatakan dalam tatawujud syarikat
- ~ jumlahnya tetap dan tidak boleh diubah tanpa kebenaran pemegang syer

2. Modal diterbit

- ~ jumlah modal yang ditawarkan untuk dijual kepada orang awam
- ~ modal diterbit adalah sebahagian daripada modal dibenarkan, ia tidak boleh melebihi modal dibenarkan

3. Modal belum diterbit

- ~ baki modal yang belum diterbit atau dijual kepada orang ramai

4. Modal berbayar/ Modal terjual

- ~ jumlah modal sebenar yang dibayar oleh pemegang syer
- ~ biasanya semua syer yang diterbit akan dipohon beli dan dibayar penuh semasa pemohonan
- ~ biasanya sama dengan modal diterbit

Jenis-jenis Syer

1. Syer biasa

- ~ Pemegang syer biasa adalah pemilik syarikat
- ~ Berhak mengundi dalam mesyuarat agung.

2. Syer keutamaan

- ~ Pemegang syer berhak menerima dividen terdahulu daripada pemegang syer biasa.
- ~ Kadar dividen tetap
- ~ Tidak berhak mengundi dalam mesyuarat agung
- ~ Terdapat 2 jenis:
 - a. syer keutamaan bertimbun tambah/ syer kumulatif
 - b. syer keutamaan tidak bertimbun tambah/ tidak kumulatif

Ciri-ciri	Syer biasa	Syer keutamaan
1. Kadar dividen	Tidak tetap	Tetap
2. Bayaran dividen	Diterima selepas pemegang selama keutamaan menerima dividen	Diterima terlebih dahulu sebelum pemegang syer biasa menerima dividen
3. Hak mengundi	Berhak mengundi dan mempengaruhi pengurusan syarikat	Tidak berhak mengundi
4. Tunggakan dividen	Tidak menerima tunggakan dividen	Pemegang syer kumulatif akan menerima dividen tunggakan
5. Keutamaan tuntutan	Semasa pembubaran, pemegang syer biasa menuntut balik modal selepas syer keutamaan	Menuntut balik modal dahulu
6. Risiko	Tinggi	Rendah

Merekod Terbitan syer

1. Nilai setiap syer dikenali sebagai nilai tara, nilai par/nilai normal. Contohnya nilai par syer biasa ialah RM1.
2. Jika syer diterbitkan melebihi nilai parnya, ia dipanggil premium.
Contoh: Syer biasa dengan nilai par RM1 diterbit dengan harga RM1.20. Premium ialah RM0.20.
3. Terbitan pada diskaun ialah harga terbitan syer yang lebih rendah daripada nilai par.
Contoh: syer biasa dengan nilai par diterbit pada RM0.70, diskaun ialah RM0.30.
4. Catatan Bergu:

Dt. Permohonan syer biasa/ syer keutamaan Dt. Bank
Kt. Modal syer biasa/ syer keutamaan Kt. Permohonan syer biasa/ syer keutamaan
(Merekod terbitan Syer Biasa/Keutamaan) (Merekod penerimaan wang daripada terbitan syer)

Dt. Permohonan syer biasa/ syer keutamaan
Kt. Bank
(Merekod bayaran balik kepada pelanggan)

Contoh 1:

Modal dibenarkan Syarikat Celsius terdiri daripada 1,000,000 unit syer biasa RM1 sesyer. Pada 1 Jan 2016, syarikat menerbitkan 600,000 unit syer biasa pada nilai par. Semua syer dipohon dan dibayar penuh. Pada 31 Jan 2016, semua wang telah diterima dan dibankkan. Sediakan catatan jurnal dan lejar.

Contoh 2:

Pada 1 Jan 2016, Syarikat Lala Berhad telah menerbitkan 2,000,000 unit 7% Syer Keutamaan RM 0.50 sesyer. Pada 31 Jan 2016, bayaran RM800,000 telah diterima untuk langganan 7% Syer Keutamaan. Kurangan langganan ditanggung oleh pihak penaja pada 10 Feb 2016.

Contoh 3:

Modal berdaftar King Bhd. terdiri daripada 2,000,000 syer biasa RM0.50 sesyer. Pada 1 Mac 2016, syarikat menerbitkan 1,300,000 syer kepada orang ramai. Pada 31 Mac 2016, jumlah wang yang telah diterima ialah RM800,000. Pada 2 April 2016, lebihan wang permohonan dipulangkan kepada pemohon. Sediakan catatan jurnal dan lejar.

Persembahan Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan

Format:

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Dis 20X9

Ekuiti pemilik

Modal diterbitkan dan berbayar:

100,000 unit 7% syer keutamaan	100000
100,000 unit syer biasa	200000
	<u>300000</u>

Dividen

1. Dividen ialah sebahagian daripada untung syarikat yang diagihkan kepada pemegang syer.
2. Ia dibayar atas modal berbayar dan bukan modal dibenarkan.
3. Ia diisytiharkan dalam bentuk '%' atau sen sesyer. Kadar dividen ditentukan oleh lembaga pengarah dengan persetujuan pemegang syer dalam mesyuarat agung.
4. Terdapat 2 jenis dividen:
 - A) Dividen interim/ dividen sementara
~ dividen yang dibayar sebelum keuntungan sebenar diketahui.
 - B) Dividen akhir
~ Dividen yang diisytiharkan selepas keuntungan syarikat diketahui.
5. Sekiranya syarikat tidak mempunyai keuntungan yang mencukupi untuk membayar dividen kepada pemegang Syer Keutamaan, maka jumlah dividen yang tidak dibayar akan menjadi dividen tertunggak.
6. Pemegang Syer Keutamaan berhak menerima tunggakan dividen bagi tahun-tahun lepas.
7. Pemegang Syer Biasa hanya akan dibayar sekiranya syarikat masih ada baki keuntungan yang mencukupi selepas membayar pemegang Syer Keutamaan.

Contoh:

Modal berdaftar: 2,000,000 unit 5% syer keutamaan, RM1 sesyer. 1,000,000 unit syer biasa RM2 sesyer.

Modal diterbitkan: 1,000,000 unit 5% syer keutamaan RM1 sesyer. 1,000,000 unit syer biasa RM2 sesyer

Pada 30 Jun 2015, syarikat telah membayar dividen interim seperti berikut:

	Syer keutamaan 3%
	Syer Biasa 5%

Bagi tahun berakhir 31 Dis 2015, Lembaga pengarah mengisytiharkan 10% dividen akhir atas syer biasa dan dividen akhir untuk syer keutamaan.

Mengira A. Dividen interim B. Dividen Akhir C. Jika kamu mempunyai 5000 unit syer biasa, 5000 unit syer keutamaan berapakah jumlah dividen yang akan diterima?